

# Asal tidak pecahbelahkan UMNO

U.M. 27 MAR 1993

# Bebas bertan

Oleh ZULKIFLI ABDULLAH

kelakuan yang kurang elok.

**K**UALA LUMPUR 26 Mac — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata hari ini, para pemimpin parti itu boleh bertanding merebut sebarang jawatan tertinggi pada Perhimpunan Agung November depan asalkan tidak memecahbelahkan UMNO.

Beliau berkata, sesiapa sahaja boleh bertanding bagi merebut sebarang jawatan dalam parti, tetapi kempen-kempen mestilah dijalankan secara sopan agar tidak menjejaskan perpaduan parti.

"Jangan diulangi cara-cara tidak sihat seperti yang berlaku dalam pemilihan UMNO 1987," katanya kepada para pemberita pada majlis rumah terbuka untuk para diplomat dan tetamu khas sempena Hari Raya Aidilfitri di Sri Perdana, hari ini.

Mahathir memberitahu, tidak menjadi kesalahan kepada mana-mana pemimpin UMNO yang mempunyai cita-cita untuk bertanding dalam pemilihan itu, asalkan tidak mengamalkan kelakuan-

Walaupun jawatan presiden dan timbalan presiden dijangka tidak akan dicabar kali ini, tetapi perebutan sengit diramalkan akan berlaku bagi tiga jawatan naib presiden.

Selain tiga naib presiden sekarang iaitu Dato' Sri Anwar Ibrahim, Dato' Abdullah Ahmad Badawi dan Dato' Sri Sanusi Junid, beberapa, tokoh termasuk Menteri Besar dan Ketua Menteri dijangka mencuba nasib mereka dalam pemilihan November ini.

Antara yang disebut-sebut ialah Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib Menteri Besar Johor, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Ketua Menteri Melaka, Tan Sri Rahim Tamby Chik.

Kempen bagi menghadapi pemilihan kali ini sebenarnya telah bermula walaupun Perhimpunan Agung UMNO akan berlangsung tujuh bulan lagi.

LIHAT MUKA 2

## Bebas bertanding

U.M. 27 MAR 1993

Majlis-majlis terbuka dan rumah terbuka sempena Hari Raya Aidilfitri menjadi pembuka gelanggang kempen yang akan rancak menjelang pemilihan peringkat bahagian yang belum ditetapkan lagi.

Sementara itu, ketika diminta mengulas arahan Kerajaan Kelantan yang melarang pegawai kerajaan negeri dan Persekutuan bekerjasama dengan menteri-menteri Pusat, Perdana Menteri berkata, beliau kesal sekiranya perkara itu benar-benar terjadi.

Dr. Mahathir menambah, melalui tindakan seumpama itu, Kerajaan Kelantan pimpinan Pas hanya menangguhkan kerja-kerja pembangunan di negeri itu kerana sebahagian daripada kerja-kerja itu bergantung kepada bantuan Kerajaan Pusat.

"Kalau benar tindakan mereka itu, ini mendukacitakan kerana banyak kerja-kerja pembangunan di Kelantan bergantung kepada Kerajaan Pusat terutama melibatkan pegawai-pegawai Pusat," ujarnya.

Lagipun, katanya, pe-

gawai-pegawai itu dibayar gaji oleh Kerajaan Pusat dan sudah tentu mereka mengikut segala arahan yang diberi.

Perdana Menteri tidak menolak kemungkinan ada pihak-pihak tertentu yang cuba bermain politik dalam isu ini dan menyifatkannya sebagai satu tindakan tidak bijak.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan pegawai Pusat supaya patuh bekerja mengikut arahan Kerajaan Pusat dan tidak tunduk dengan Kerajaan Negeri Kelantan.

Semalam, Menteri Be-

lia dan Sukan, Dato' Annuar Musa ketika mendedahkan perkara tersebut berkata, tindakan itu adalah merupakan beberapa tindakan 'pihak atasan' Kerajaan Kelantan sebagai reaksi kepada beberapa isu hangat yang timbul.

Annuar berkata, perkara tersebut akan dibawa ke Kabinet kerana antara lain arahan itu tidak membenarkan pegawai kerajaan negeri dan Pusat menemui menteri-menteri tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran.

ding  
- PM